



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/02/23_10 (HQ)

PENGGUNA METER PINTAR TNB LEPASI 1.8 JUTA

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah berjaya mencapai matlamat untuk memasang sebanyak 1.8 juta unit meter pintar dalam usahanya membantu inisiatif kerajaan menambah baik perkhidmatan kepada pengguna.

“Kami telah berjaya melepasi sasaran memasang 1.8 juta meter sebelum penghujung 2021 hasil kerjasama pengguna dan sokongan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Suruhanjaya Tenaga (ST), kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

“Kejayaan ini membolehkan TNB mendokong usaha kerajaan meningkatkan perkhidmatan kepada pengguna melalui penyediaan akses, ketelusan dan kawalan penggunaan tenaga lebih baik.

“Terima kasih kepada pengguna di Lembah Klang, Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Melaka, yang memberikan kerjasama hingga kami berjaya memasang lebih 1.8 juta meter pintar,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din.

Menurut Baharin pemasangan meter pintar ini merupakan salah satu dari inisiatif Grid Masa Depan (Grid of the Future) yang mana TNB perlu membuat pelaburan semula sejumlah RM9 bilion hingga RM10 bilion setiap tahun bagi memodenkan Grid Nasional.

“Grid Masa Depan mengadaptasi teknologi pintar, automatik dan digital bagi memastikan kecekapan, kebolehharapan dan kelestarian yang maksimum di samping menyokong kelestarian tenaga masa depan.”

Baharin berkata semakin ramai pengguna berminat memperkasa diri dalam memantau dan mengurus penggunaan tenaga dan mengurangkan jejak karbon berikutan bertambahnya kesedaran bijak tenaga dan memelihara persekitaran alam sekitar.


“Menerusi meter pintar serta gabungan portal dan aplikasi myTNB, pengguna boleh memantau corak penggunaan dalam Ringgit Malaysia atau kilowatt-jam (kWj), melihat notifikasi penggunaan semasa pada hujung kitaran bil, serta impak penggunaan tenaga ke atas alam sekitar.

“Untuk memanfaatkan maklumat meter pintar dan mengurangkan pelepasan jejak karbon dengan berkesan, pengguna boleh mengamalkan tip kecekapan tenaga yang boleh dilayari di <http://www.tnb.com.my/>.

“Kami berharap, pengguna dapat memanfaatkan sepenuhnya kemudahan meter pintar bagi sama-sama mencapai matlamat *Better World. Brighter Lives.*”

TNB mula memasang meter pintar sejak empat tahun lalu di Melaka. Pemasangannya akan diperluaskan lagi di Semenanjung secara berperingkat agar 9.1 juta pelanggannya akan mendapat manfaat meter pintar menjelang 2026, kata Baharin lagi.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 23 Februari 2022, jam 10:00 pagi
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Noor Afifah Abdul Razak (dua, kiri) menyerahkan plakad simbolik penghargaan kepada pelanggan meter pintar TNB yang ke 1.8 juta, Zawawi Abdullah yang turut ditemani isterinya, Jameah Hamed (tengah) pada majlis Perasmian Energy Transition Week di Putrajaya, 14 Disember 2021.

Turut hadir, Chief Distribution Network Officer (CDNO), Wan Nazmy Wan Mahmood (paling kiri) dan Pengarah Projek Advanced Metering Infrastructure (AMI) TNB, Ir Mohamed Ghous Ahmad (paling kanan).

Pemasangan meter pintar merupakan inisiatif kerajaan dalam memacu peralihan tenaga yang bertujuan menambahbaik kehidupan pengguna melalui penyediaan akses, ketelusan dan kawalan yang lebih baik terhadap penggunaan tenaga harian.